



Pemohonan adalah dipelawa daripada warga negara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Bil. Iklan Pustaka/01/2016 (2)

1. Skim Perkhidmatan : **Pustakawan, Gred S41
(3 KEKOSONGAN – KUCHING/MIRI/SIBU)**
- Taraf Jawatan : Tetap - Jawatan Berasaskan Caruman
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
Tempoh Percubaan : 1 – 3 Tahun
Jadual Gaji : S41 RM 1,909.00 - RM 8,644.00
(Minimum) (Maksimum)

Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- (c) i) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Sains Pengajian Maklumat (Rekod/Arkib) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya :
(Gaji permulaan adalah pada gred S41: RM2,112.86); atau
ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang Perpustakaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan adalah pada Gred S41 : RM2,112.86); atau
iii) Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan adalah pada gred S41: RM2,419.49).

DAN

- (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Bil. Iklan Pustaka/02/2016 (2)

2. Skim Perkhidmatan : **Penolong Pustakawan Gred S27
(7 KEKOSONGAN – KUCHING/MIRI/SIBU)**

Taraf Jawatan : Tetap - Jawatan Berasaskan Caruman
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
Tempoh Percubaan : 1 – 3 Tahun
Jadual Gaji : S27 RM 1,362.00 - RM 5,092.00
(Minimum) (Maksimum)

Syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27:RM1,362.00); atau
(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27:RM1,362.00); atau
(iii) Diploma Pengurusan Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27:RM1,661.95)

DAN (d) Calon hendaklah memiliki kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) dan kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan

berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita
- (iii) mempunyai ukuran indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja)
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

Cara Memohon:

1. Permohonan hendaklah secara bertulis beserta dengan butir-butir peribadi (Curriculum Vitae) yang lengkap dengan memberi keterangan tentang kelayakan, pengalaman, salinan sijil-sijil berkaitan dan sekeping gambar berukuran passport ke alamat:

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PUSTAKA NEGERI SARAWAK
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
Petra Jaya, 93050 Kuching

2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
3. Setiap permohonan MESTILAH disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan.
4. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas/jawapan dalam tempoh 3-6 bulan dari tarikh iklan, permohonan dianggap tidak Berjaya.
5. Hanya pemohon yang berjaya semasa temuduga sahaja akan dimaklumkan melalui surat tawaran manakala pemohon yang gagal tidak akan dimaklumkan melalui surat.
6. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
7. Tarikh tutup iklan adalah pada : **9 Jun 2016**